



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

---

VERSI DALAM TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

## **Akta 505**

# **AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993**

*Sebagaimana pada 1 Jun 2017*

**AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 7 Julai 1993

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 15 Julai 1993

Kali terakhir dipinda melalui  
Akta A1523 yang mula  
berkuat kuasa pada ... .. 1 Februari 2017

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 505

### AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

###### Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kecualian prerogatif

##### BAHAGIAN II

##### MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

4. Penubuhan Majlis
5. Identiti di sisi undang-undang dan kuasa Majlis
6. Jawatankuasa
7. Kewajipan Majlis bagi kemajuan sosio-ekonomi orang Islam
8. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan
- 8A. Kuasa untuk menubuhkan syarikat dan pengesahan syarikat yang ditubuhkan
9. Kuasa meminjam
10. Keanggotaan Majlis
11. Penamatan pelantikan
12. Pembatalan pelantikan

## Seksyen

13. Pelantikan hendaklah diwartakan
14. Setiausaha
15. Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat
16. Mempengerusikan mesyuarat
17. Kuorum
18. Penjalanan urusan
19. Memanggil mesyuarat
20. Kuasa Pengerusi
21. Tugas dan kuasa Setiausaha
22. Minit
23. Aturan urusan dan pengundian
24. Salinan diperakui bagi ketetapan
25. Cuti
26. Bertindak dalam hal tergepar
27. Perwakilan kewajipan dan kuasa
28. Kerahsiaan
29. Pekhidmat awam
30. Majlis boleh menentukan prosedurnya sendiri
31. Kuasa Majlis

## BAHAGIAN III

PELANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA DAN  
JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK

32. Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti
33. Kuasa Mufti
34. Fatwa
35. Bentuk fatwa
36. Pindaan, ubah suaian atau pembatalan fatwa
37. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak
38. Permintaan pendapat daripada Mufti

Seksyen

39. Nas yang hendaklah diikuti

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH SYARIAH

40. Penubuhan Mahkamah Syariah
41. Pelantikan Ketua Hakim Syarie
42. Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
43. Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
44. Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah
45. Pendaftaran
46. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah
47. Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah
48. Rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah
49. Permohonan untuk kebenaran merayu
50. Perakuan pewarisan
51. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah
52. Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah
53. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah
54. Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah
55. Keputusan dengan majoriti
56. Penerusan prosiding dalam Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada
57. Kaedah-kaedah rayuan
- 57A. Tindakan bersaling

BAHAGIAN V

PENDAKWAAN, PENGUATKUASAAN DAN PERWAKILAN

58. Pelantikan Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguat Kuasa Agama
59. Peguam Syarie

## BAHAGIAN VI

## KEWANGAN

*Amanah Khairat*

## Seksyen

60. Penubuhan Baitulmal
61. Wakaf dan nazr
62. Peletakhakan
63. Sekatan ke atas pewujudan amanah khairat
64. Pendapatan daripada wakaf dan nazr
65. Modal wakaf dan nazr ‘am
66. Pengertian surat cara
67. Akaun dan laporan tahunan
68. Harta wakaf dan nazr
69. Anggaran
70. Perbelanjaan Majlis
71. Jurubank

## BAHAGIAN VII

## MASJID

72. Peramanahan masjid dan tanah yang berkaitan
73. Sekatan ke atas penubuhan masjid
74. Penyenggaraan masjid dan kawasannya
75. Sempadan kariah masjid
76. Pelantikan Pegawai Masjid
77. Tauliah
78. Tempoh jawatan Pegawai Masjid
79. Kawalan dan arahan ke atas Pegawai Masjid
80. Penghapusan jawatan Nazir
81. Jawatankuasa Kariah
82. Pengecualian

Seksyen

83. Kuasa meminda Jadual Ketiga

BAHAGIAN VIII

PUNGUTAN KHAIRAT

84. Pungutan Khairat

BAHAGIAN IX

MASUK ISLAM

85. Kehendak bagi masuk Islam
86. Saat masuk Islam
87. Tugas dan kewajipan seseorang muallaf
88. Pendaftar dan Daftar Muallaf
89. Pendaftaran muallaf
90. Perakuan Masuk Islam
91. Pengiktirafan muallaf sebagai orang Islam
92. Menentukan sama ada orang yang tidak didaftarkan ialah seorang muallaf
93. Kesalahan memberi maklumat palsu
94. Kuasa membuat kaedah-kaedah
95. Keupayaan masuk Islam

BAHAGIAN X

PENDIDIKAN AGAMA

96. Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama
97. Sekolah Agama
98. Pengecualian

## BAHAGIAN XI

## AM

Seksyen

99. Kaedah-kaedah
100. Kecualian kaedah-kaedah dan pelantikan
101. Peralihan
102. Pindaan seksyen 165 dan 166 Enakmen
103. Pemberhentian pemakaian Enakmen

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 505****AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993**

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan suatu undang-undang yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam, penubuhan dan organisasi Mahkamah-Mahkamah Syariah, dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

[*Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan—15 Oktober 1993, P.U. (B) 452/1993;*  
\* *Wilayah Persekutuan Putrajaya—1 Februari 2001, P.U. (A) 250/2002*]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

---

\**CATATAN*—Dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya—*lihat* Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993) 2002 [*P.U. (A) 250/2002*].

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

### Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak kariah” ertinya seseorang yang secara tetap atau pada lazimnya tinggal dalam kariah masjid;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor [*Enakmen Selangor 3/1952*]—

(a) berhubung dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah-Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974 [*P.U.(A) 44/1974*], 1981 [*P.U.(A) 390/1981*] dan 1988 [*P.U.(A) 163/1988*] yang dibuat menurut seksyen 6(4) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 [*Akta A206*] dan berkuatkuasa di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menurut kuasa seksyen 6(1) Akta itu dan Akta Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) 1984 [*Akta A576*]; dan

(b) berhubungan dengan Wilayah Persekutuan Labuan, sebagaimana yang diubahsuaikan dan diperluaskan melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian dan Perluasan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1985 [*P.U.(A) 352/85*] yang dibuat menurut seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [*Akta A585*];

“Hakim Syarie” atau “Hakim” ertinya Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang dilantik di bawah subseksyen 43(1) tetapi tidak

termasuk Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik di bawah subseksyen 44(1);

“Hukum Syarak” ertinya Undang-Undang Islam mengikut mana-mana Mazhab yang diiktiraf;

“Imam” ertinya Imam yang dilantik di bawah subseksyen 76(3);

“Imam Ratib” ertinya Imam Ratib yang dilantik di bawah subseksyen 76(4);

“jawatankuasa kariah” ertinya jawatankuasa kariah yang ditubuhkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 81;

“Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak” ertinya Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak yang ditubuhkan di bawah subseksyen 37(1);

“kariah masjid”, berhubungan dengan sesuatu masjid, ertinya kawasan yang sempadannya ditentukan di bawah seksyen 75 yang di dalamnya masjid itu terletak;

“Ketua Hakim Syarie” ertinya Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah subseksyen 41(1);

“Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama” dan “Pegawai Penguat Kuasa Agama” ertinya pegawai yang dilantik sebagai yang sedemikian di bawah subseksyen 58(4);

“Ketua Pendakwa Syarie” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 58(1);

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal yang ditubuhkan di bawah seksyen 60;

“Mahkamah” atau “Mahkamah Syariah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 40;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1);

“masjid” ertinya suatu bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam, dan termasuk mana-mana masjid atau surau atau madrasah yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pentadbiran agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan;

“Mufti” ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan di bawah seksyen 32, dan termasuk Timbalan Mufti;

“nazr” ertinya suatu ikrar yang dilafazkan untuk melakukan sesuatu perbuatan atau mewakafkan harta bagi apa-apa maksud yang dibenarkan oleh Hukum Syarak;

“nazr ‘am” ertinya suatu nazr yang dimaksudkan keseluruhannya atau sebahagiannya bagi faedah masyarakat Islam amnya atau mana-mana bahagian masyarakat Islam, dan bukanlah bagi seorang individu atau individu-individu;

“orang Islam” ertinya—

- (a) seseorang yang menganut agama Islam;
- (b) seseorang yang salah seorang atau kedua ibu bapanya, pada masa kelahiran orang itu, ialah orang Islam;
- (c) seseorang yang cara dia dibesarkan telah dijalankan atas asas bahawa dia orang Islam;
- (d) seseorang yang telah masuk Islam mengikut kehendak seksyen 85;
- (e) seseorang yang lazimnya dikenali sebagai orang Islam; atau

- (f) seseorang yang ditunjukkan telah menyatakan, dalam hal keadaan di mana dia terikat oleh undang-undang untuk menyatakan yang benar, bahawa dia adalah orang Islam, sama ada pernyataan itu secara lisan atau bertulis;

“Pegawai Masjid” ertinya Naqib Masjid, Imam, Imam Ratib, Bilal dan Pembantu Bilal bagi sesuatu masjid;

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang dilantik sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 59;

“Pembantu Bilal” ertinya Pembantu Bilal sesuatu masjid yang dilantik di bawah subseksyen 76(4);

“Pendakwa Syarie” ertinya seorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 58(3);

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Majlis;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis yang tersebut dalam seksyen 14;

“wakaf ‘am” ertinya wakaf yang berkekalan atas modal dan pendapatan daripada harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian;

“wakaf khas” ertinya wakaf yang berkekalan atau bagi suatu tempoh terhad atas modal harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang berpendapatan daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu;

“Wilayah-Wilayah Persekutuan” ertinya Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Akta ini dan tidak ditakrifkan di dalam Akta ini tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah mempunyai erti

yang diberikan kepadanya masing-masing setakat yang erti-erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

### **Kecualian prerogatif**

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalamnya boleh mengurangkan atau menyentuh hak dan kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.

## **BAHAGIAN II**

### **MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

#### **Penubuhan Majlis**

4. (1) Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan”, untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

(2) Apabila mula berkuatkuasanya seksyen ini, “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan” yang wujud menurut kuasa seksyen 5 Enakmen hendaklah disifatkan sebagai Majlis yang disebut di dalam subseksyen (1).

### **Identiti di sisi undang-undang dan kuasa Majlis**

5. (1) Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai tersebut boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, suatu cap yang mengandungi tulisan “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan” bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan.

(2) Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama perbadanannya.

(3) Majlis boleh mengikat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang, dan menikmati segala perihal harta alih dan tak alih, dan tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang menyentuhnya, boleh memindah hak, menyerahkan hak, menyerahkan dan memulangkan, menggadai, menggadai janji, mendemis, menyerahkan hak semula, memindah milik atau selainnya melupuskan, atau memperlakukan, mana-mana harta alih atau tak alih yang terletak hak pada Majlis atas apa-apa terma-terma yang difikirkan patut oleh Majlis dan mengikut Hukum Syarak.

(4) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.

(5) Majlis hendaklah mempunyai apa-apa kuasa selanjutnya dan menjalankan apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya oleh Akta ini atau mana-mana Akta lain.

### **Jawatankuasa**

6. Majlis boleh melantik jawatankuasa untuk membantunya dalam melaksanakan kewajibannya atau menjalankan kuasanya.

**Kewajipan Majlis bagi kemajuan sosio-ekonomi orang Islam**

7. (1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selaras dengan Hukum Syarak.

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah subseksyen (1) —

- (a) untuk menjalankan segala kegiatan, yang tidak akan melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan oleh agama Islam, khususnya memajukan perusahaan komersil dan perindustrian, yang perjalanannya ternyata kepada Majlis adalah perlu, berfaedah atau menyenangkan bagi atau berkaitan dengan penunaian kewajipannya yang tersebut, termasuklah membuat, memasang, memproses, membungkus, menggred dan memasarkan keluaran;
- (b) untuk menggalakkan penjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan atau orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembangkan, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan, badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan atau orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya;
- (c) untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian bersama dengan badan atau orang lain, termasuklah jabatan atau pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan, atau sebagai ejen pengurus atau selainnya bagi pihak Kerajaan Persekutuan;
- (d) untuk melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*], dan melupuskan pelaburan itu



atas apa-apa terma-terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis;

- (e) tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan, untuk menubuhkan apa-apa skim bagi pemberian pinjaman daripada Kumpulan Wang kepada individu Muslim bagi pembelajaran tinggi;
- (f) untuk menubuhkan dan menyenggarakan sekolah Islam dan institusi latihan dan penyelidikan Islam; dan
- (g) untuk melakukan segala perbuatan yang difikirkan oleh Majlis dikehendaki atau suai manfaat.

### **Kuasa untuk menubuhkan perbadanan**

**8.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan sesuatu perbadanan dengan apa-apa nama sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis untuk menjalankan dan menjaga, mengelola, dan menguruskan apa-apa projek skim, atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan atau kuasanya di bawah seksyen 7.

(2) Majlis hendaklah, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, melalui perintah yang sama atau yang lain, membuat peruntukan berkenaan dengan sesuatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1), yang menentukan —

- (a) kewajipan, kuasa dan hak perbadanan itu;
- (b) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (c) hubungan di antara perbadanan dengan Majlis dan hak Majlis untuk mengawal perbadanan itu.

(3) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi sesuatu perbadanan yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah subseksyen (1).

**Kuasa untuk menubuhkan syarikat dan pengesahan syarikat yang ditubuhkan**

**8A.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, menubuhkan syarikat di bawah \*Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan atau kuasanya di bawah seksyen 7.

(2) Tiap-tiap syarikat yang ditubuhkan atau berupa sebagai ditubuhkan oleh Majlis di bawah \*Akta Syarikat 1965 sebelum mula berkuatkuasanya seksyen ini hendaklah disifatkan telah ditubuhkan dengan sah dan hendaklah terus wujud seolah-olah ia telah ditubuhkan oleh Majlis di bawah subseksyen (1).

(3) Apa-apa pembiayaan atau bantuan kewangan yang diberikan oleh Majlis di bawah subseksyen 7(2) kepada sesuatu syarikat yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah disifatkan telah diberikan dengan sah.

**Kuasa meminjam**

**9.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan dan atas terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan, meminjam apa-apa jumlah wang yang mungkin dikehendakinya untuk menunaikan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Jumlah wang yang dipinjam menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang.

---

\* CATATAN—Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] m.b.p. 31 Januari 2017.

### **Keanggotaan Majlis**

**10.** (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) Ketua Setiausaha Negara atau wakilnya;
- (d) Peguam Negara atau wakilnya;
- (e) Ketua Polis Negara atau wakilnya;
- (f) Mufti;
- (g) Dato Bandar Kuala Lumpur; dan
- (h) lima belas orang anggota lain, sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam pengajian Islam.

(2) Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dan anggota di bawah perenggan 1(h) hendaklah orang Islam dan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(3) Seseorang anggota yang tempoh jawatannya telah habis tempoh bolehlah dilantik semula.

(4) Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan yang tersebut dalam perenggan (c), (d), (e) atau (g) bukan orang Islam, Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri hendaklah melantik seorang pegawai lain yang adalah seorang Islam dan yang kanan selepasnya dari Jabatan atau Kementerian yang sama untuk menjadi anggota bagi menggantikan orang tersebut.

(5) Orang yang, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya seksyen ini adalah Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dan anggota-anggota yang dilantik bagi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, masing-masingnya terus menjadi Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dan anggota Majlis sehingga habis tempoh pelantikan mereka sekarang.

### **Penamatan pelantikan**

**11.** Pelantikan seseorang anggota Majlis yang dilantik hendaklah tamat —

- (a) apabila dia mati;
- (b) jika dia, dengan surat yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong melalui Pengerusi, meletakkan jawatannya; atau
- (c) jika dia tidak ada di Malaysia, tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi, selama tempoh melebihi enam bulan.

### **Pembatalan pelantikan**

**12.** Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis yang dilantik—

- (a) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai anggota atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Majlis; atau
- (b) jika dia telah menjadi tidak berupaya menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai anggota; atau
- (c) jika, tanpa apa-apa alasan yang mencukupi pada pendapat Pengerusi, dia telah tidak menghadiri tiga mesyuarat Majlis secara berturut-turut.

### **Pelantikan hendaklah diwartakan**

**13.** Semua pelantikan dan pembatalan pelantikan di bawah seksyen 10, 11 dan 12 hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

### **Setiausaha**

**14.** (1) Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.

(2) Setiausaha hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif dan pentadbir Majlis dan hendaklah bertanggungjawab bagi menjalankan dasar dan ketetapan Majlis.

(3) Setiausaha adalah berhak menghadiri semua mesyuarat Majlis dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak mengundi.

### **Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat**

**15.** (1) Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat Majlis, jika urusan di hadapan mesyuarat itu menyebabkan kehadiran orang itu dikehendaki.

(2) Seseorang yang dijemput di bawah subseksyen (1) adalah berhak mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian Majlis, tetapi tidak berhak mengundi.

### **Mempengerusikan mesyuarat**

**16.** (1) Pengerusi, atau dalam masa ketidakhadirannya Timbalan Pengerusi, hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, anggota yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

### **Kuorum**

17. Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Majlis yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat, adalah sah, melainkan jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu.

### **Penjalanan urusan**

18. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya oleh Akta ini, semua urusan Majlis hendaklah dijalankan di dalam mesyuarat Majlis yang diadakan secara tetap dan hendaklah dibereskan melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi.

(2) Ketetapan bertulis yang ditandatangani oleh semua anggota Majlis hendaklah, melainkan jika dalam mana-mana hal atau golongan hal khas diarahkan selainnya oleh Yang di-Pertuan Agong, mempunyai kesan yang sama seperti ketetapan yang diluluskan sewajarnya di bawah subseksyen (1).

### **Memanggil mesyuarat**

19. (1) Semua mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.

(2) Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.

(3) Mana-mana empat orang anggota Majlis boleh pada bila-bila masa secara bertulis menghendaki Setiausaha memanggil mesyuarat

Majlis dengan syarat mereka memberitahu Setiausaha maksud yang baginya mereka menghendaki mesyuarat itu dipanggil.

(4) Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan arahan atau kehendak di bawah subseksyen (2) atau (3), atau, jika Pengerusi mengarahkan sedemikian, sebaik sahaja dia menerima arahan atau kehendak itu.

(5) Sekurang-kurangnya tujuh hari notis bertulis hendaklah diberikan mengenai mana-mana mesyuarat, tetapi Pengerusi boleh jika dia berpendapat bahawa ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih singkat, mengarahkan supaya kehendak notis tujuh hari itu diketepikan.

(6) Notis mesyuarat boleh dihantar melalui pos kepada anggota dengan ditujukan ke alamat tempat tinggalnya yang terakhir diketahui dan hendaklah disifatkan telah disampaikan mengikut perjalanan biasa pos.

(7) Tiada notis mesyuarat diperlukan dalam hal anggota yang sedang berada di luar Malaysia.

### **Kuasa Pengerusi**

**20.** Pengerusi hendaklah menjalankan kawalan ke atas segala pertimbangan dan prosiding Majlis dan hendaklah bertanggungjawab bagi penjalanannya yang sepatutnya dan teratur.

### **Tugas dan kuasa Setiausaha**

**21.** Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Pengerusi kepadanya, Setiausaha hendaklah bertanggungjawab ke atas semua surat-menyurat dan dokumen Majlis dan hendaklah dalam segala segi lain menjalankan tugas yang dikenakan ke atasnya oleh Akta ini atau yang diberikan kepadanya oleh Pengerusi.

**Minit**

**22.** (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit segala mesyuarat Majlis, dan pada tiap-tiap mesyuarat minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada apa-apa pindaan yang diperlukan.

(2) Minit itu hendaklah dicatatkan dalam buku minit Majlis dan hendaklah mengandungi rekod kata demi kata penuh bagi tiap-tiap ketetapan Majlis.

(3) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas tiap-tiap mesyuarat Majlis, satu salinan draf minit itu hendaklah dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong. Jika semasa draf minit itu disahkan, minit itu dipinda, Yang di-Pertuan Agong hendaklah dengan sertamerta dimaklumkan tentang pindaan yang dibuat:

Dengan syarat bahawa tiada keputusan yang dibuat dalam mana-mana minit Majlis boleh diambil tindakan sehingga Yang di-Pertuan Agong telah menandakan perkenannya secara bertulis.

(4) Mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya.

**Aturan urusan dan pengundian**

**23.** (1) Pengerusi hendaklah menentukan aturan urusan pada mesyuarat.

(2) Pengerusi boleh memutuskan aturan anggota boleh berucap dalam mesyuarat dan boleh pada bila-bila masa menghendaki mana-mana anggota berhenti daripada berucap dalam mesyuarat.

(3) Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus atas apa-apa ketetapan jika terdapat persamaan undi.



### **Salinan diperakui bagi ketetapan**

**24.** Satu salinan apa-apa ketetapan Majlis yang diperakui oleh Setiausaha sebagai salinan benar ketetapan itu adalah keterangan yang mencukupi mengenainya, dan semua mahkamah hendaklah memberikan pengiktirafan kehakiman kepada tandatangan Setiausaha.

### **Cuti**

**25.** Pengerusi, jika dia menjangka akan tidak berada di Malaysia selama lebih daripada tiga puluh hari, hendaklah memohon cuti daripada Yang di-Pertuan Agong yang boleh memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

### **Bertindak dalam hal tergepar**

**26.** (1) Dalam apa-apa hal tergepar Pengerusi boleh, selepas berunding dengan Menteri, melakukan atau mengarahkan dilakukan bagi pihak Majlis apa-apa tindakan atau perkara yang boleh dilakukan dengan sah melalui ketetapan Majlis.

(2) Jika apa-apa tindakan atau perkara dilakukan menurut subseksyen (1), suatu mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dalam masa seminggu selepas itu bagi maksud meratifikasikan dan mengesahkan tindakan atau perkara yang dilakukan itu, dan jika Majlis enggan meratifikasikan dan mengesahkan tindakan atau perkara yang dilakukan itu, Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan apa-apa arahan berkenaan dengannya sebagaimana yang difikirkannya patut.

### **Pewakilan kewajipan dan kuasa**

**27.** (1) Majlis boleh, melalui ketetapan, dan tertakluk kepada syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, mewakilkan kepada Pengerusi atau Setiausaha atau kepada mana-mana jawatankuasa Majlis pelaksanaan mana-mana kewajipannya atau penjalanan mana-mana kuasanya.

(2) Pelaksanaan kewajipan dan penjalanan kuasa menurut perwakilan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

(3) Pengerusi, Setiausaha, atau jawatankuasa itu hendaklah memberitahu Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya atau oleh jawatankuasa itu menurut perwakilan di bawah subseksyen (1).

### **Kerahsiaan**

**28.** Prosiding Majlis hendaklah dirahsiakan dan tiada seorang pun anggota atau pekhidmatnya boleh mendedahkan atau membukakan kepada mana-mana orang selain Yang di-Pertuan Agong atau Menteri, dan mana-mana anggota Majlis, apa-apa perkara yang telah berbangkit dalam mana-mana mesyuarat melainkan jika dia dibenarkan dengan nyata oleh Majlis.

### **Pekhidmat awam**

**29.** Anggota, pegawai dan pekhidmat Majlis hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

### **Majlis boleh menentukan prosedurnya sendiri**

**30.** Majlis boleh, tertakluk kepada Akta ini, boleh menentukan semua persoalan berhubungan dengan prosedur dan amalannya sendiri.

### **Kuasa Majlis**

**31.** Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak

berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.

### BAHAGIAN III

#### PELANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA DAN JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK

##### **Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti**

**32.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, selepas berunding dengan Majlis melantik orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.

(2) Apabila mula berkuatkuasanya seksyen ini, mana-mana orang yang, sebelum sahaja permulaan kuat kuasa itu, menjadi Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan yang dilantik di bawah Enakmen hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik sewajarnya di bawah seksyen ini sebagai Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan dan hendaklah memegang jawatan demikian.

##### **Kuasa Mufti**

**33.** Mufti hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.

##### **Fatwa**

**34.** (1) Mufti hendaklah, atas perintah Yang di-Pertuan Agong, dan bolehlah, atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti,

membuat dan menyiarkan dalam *Warta* suatu fatwa atau pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan Hukum Syarak.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika dan sehingga pernyataan itu disiarkan dalam *Warta* menurut subseksyen (1).

(3) Apabila disiarkan dalam *Warta*, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi.

(4) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai autoritatif mengenai semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.

### **Bentuk fatwa**

**35.** (1) Sesuatu fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat menurut seksyen 34.

(2) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan Rumi, tetapi teks fatwa itu dalam tulisan Jawi boleh juga disiarkan.

### **Pindaan, ubah suaian atau pembatalan fatwa**

**36.** (1) Mufti boleh meminda, mengubahsuaikan atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah dikeluarkan sebelum itu olehnya atau oleh mana-mana Mufti terdahulu daripadanya.

(2) Sesuatu pindaan, ubah suaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah disifatkan suatu fatwa dan subseksyen 34(3) dan (4) dan subseksyen 35(2) hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu pindaan, ubah suaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat menurut subseksyen (1).

### **Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak**

**37.** (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak.

(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada —

- (a) Mufti, sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Mufti;
- (c) dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;
- (d) tidak kurang daripada dua orang, yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis; dan
- (e) seorang pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan yang dilantik oleh Majlis, yang hendaklah menjadi Setiausaha.

(3) Orang yang, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya seksyen ini, telah dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Undang-Undang U gama yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Enakmen hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, disifatkan telah dinamakan atau dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dan hendaklah terus menjadi anggota sehingga habis tempoh pelantikan mereka sekarang.

(4) Daripada orang yang disebut dalam subseksyen (3), dua orang yang adalah anggota Majlis hendaklah disifatkan telah dinamakan di bawah perenggan 2(c) dan yang lainnya hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah perenggan (d) subseksyen itu.

(5) Apabila Mufti bercadang hendak membuat fatwa di bawah seksyen 34 dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.

(6) Sebelum Mufti membuat fatwa, dia boleh menyebabkan kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.

### **Permintaan pendapat daripada Mufti**

**38.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang Mufti tidaklah boleh dipanggil untuk memberikan pendapat atau keterangan berhubungan dengan Hukum Syarak di mana-mana mahkamah sivil atau Mahkamah Syariah, tetapi jika dalam mana-mana mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, mahkamah itu boleh meminta pendapat Mufti tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapatnya kepada mahkamah yang meminta itu.

### **Nas yang hendaklah diikuti**

**39.** (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 34, atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 38, Mufti hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan diterima (qaul muktamad) Mazhab Syafie.

(2) Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

(3) Jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH SYARIAH

**Penubuhan Mahkamah Syariah**

**40.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan di tempat yang difikirkannya patut.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan suatu Mahkamah Tinggi Syariah bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menubuhkan suatu Mahkamah Rayuan Syariah bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.

**Pelantikan Ketua Hakim Syarie**

**41.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, selepas berunding dengan Majlis, melantik seorang Ketua Hakim Syarie.

(2) Seseorang itu layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika —

(a) dia seorang warganegara; dan

(b) dia —

(i) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula; atau

(ii) seorang yang arif tentang Hukum Syarak.

(3) Orang yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya seksyen ini, memegang jawatan Kadi Besar di bawah subseksyen 43(1) Enakmen dan melaksanakan fungsi kehakiman hendaklah, apabila mula berkuatkuasanya seksyen ini, terus memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Syarie seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(4) Pelantikan di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

### **Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah**

**42.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, selepas berunding dengan Majlis, melantik, selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, tidak lebih daripada tujuh orang Islam untuk menubuhkan suatu panel tetap hakim dan Ketua Hakim Syarie hendaklah memilih dua orang daripada kalangan mereka untuk membentuk kuorum hakim dalam Mahkamah Rayuan Syariah berkenaan dengan tiap-tiap pendengaran.

(2) Nama ketujuh-tujuh anggota itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

### **Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah**

**43.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, selepas berunding dengan Majlis, melantik Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Seseorang itu layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika —

(a) dia seorang warganegara; dan

(b) dia—

(i) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadi atau



Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula; atau

(ii) seorang yang arif tentang Hukum Syarak.

(3) Orang yang, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya seksyen ini, memegang jawatan Kadi di bawah subseksyen 43(1) Enakmen dan melaksanakan fungsi kehakiman hendaklah, apabila mula berkuatkuasanya seksyen ini, terus memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seolah-olah mereka telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(4) Semua pelantikan di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

### **Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah**

**44.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas syor Ketua Hakim Syarie, melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Semua pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

### **Pendaftar**

**45.** Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Ketua Hakim Syarie, melantik, daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan, seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.

**Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah**

**46.** (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Syarie.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah —

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [*Akta 303*], atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam yang sedang berkuat kuasa, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan baginya;
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan —
  - (i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan di antara suami isteri;
  - (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);
  - (iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (*hadhanah*) budak;
  - (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
  - (v) wasiat atau alang semasa *marad-al-maut* seseorang si mati Islam;

- (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;
- (vii) wakaf atau nazr;
- (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat;
- (ix) penentuan orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian yang kepadanya orang itu masing-masing berhak; atau
- (x) perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

### **Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah**

**47.** (1) Sesuatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah —

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam di bawah Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi dua ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan baginya;
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi

Syariah diberikuasa untuk mendengar dan memutuskannya, yang amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* memperluaskan bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah.

### **Rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah**

**48.** (1) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Syariah —

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, oleh pihak pendakwa atau oleh orang yang telah disabitkan, dan rayuan itu boleh sama ada terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana daripadanya;

(b) dalam bidang kuasa malnya —

(i) oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu, jika amaun yang dituntut itu tidak kurang daripada satu ribu ringgit;

(ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu;

(iii) dalam semua kes yang berhubungan dengan nafkah orang tanggungan, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu;

tetapi tiada rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan; dan

(c) dalam apa-apa kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberikan kebenaran untuk merayu.

- (2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh —
- (a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintahkan Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda bentuk hukuman, memerintahkan perbicaraan semula, atau meminda, atau mengakaskan apa-apa perintah Mahkamah perbicaraan;
  - (b) dalam perkara mal, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah perbicaraan, atau memerintahkan perbicaraan semula.

### **Permohonan untuk kebenaran merayu**

**49.** (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi kebenaran untuk merayu di bawah perenggan 48(1)(c) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah boleh mengetahuinya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah, atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah, apabila mendengar mana-mana permohonan bagi kebenaran untuk merayu, boleh atas alasan khas melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah habis tempoh.

**Perakuan pewarisan**

**50.** Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati Islam, mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa, selain Mahkamah Tinggi Syariah atau suatu Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kewajipan untuk menentukan orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian yang kepadanya orang itu masing-masingnya berhak, Mahkamah Syariah bolehlah, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari, atau wakilnya dan setelah dibayar olehnya fi yang ditetapkan, memperakukan fakta yang didapati olehnya dan pendapatnya mengenai orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu dan mengenai bahagian yang padanya mereka masing-masingnya berhak.

**Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah**

**51.** (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika nampaknya dikehendaki demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod mengenainya dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah memanggil rekod di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Rendah Syariah mengenai perkara atau prosiding yang berkenaan itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

### **Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah**

**52.** (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya.

(2) Apabila suatu rayuan daripada suatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak memberikan kebenaran bagi pemutusan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam perjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.

(3) Apabila kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan dirujuk bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah, dan sebagaimana yang difikirkannya adil bagi pemberesan rayuan itu.

### **Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah**

**53.** (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika nampaknya dikehendaki demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam Mahkamah Tinggi Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod mengenainya dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Rayuan Syariah memanggil rekod di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Tinggi Syariah mengenai perkara atau prosiding yang berkenaan itu hendaklah

digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Rayuan Syariah.

### **Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah**

**54.** (1) Sesuatu rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan dibereskan oleh seorang pengerusi dan mana-mana dua orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie.

(2) Walau apa pun seksyen 42 Akta ini, Ketua Hakim Syarie boleh melantik mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi seorang anggota Mahkamah Rayuan Syariah bagi mana-mana prosiding yang tertentu jika Ketua Hakim Syarie berpendapat wajar berbuat demikian.

(3) Ketua Hakim Syarie hendaklah menjadi pengerusi tiap-tiap prosiding Mahkamah Rayuan Syariah, dan sekiranya dia tidak dapat berbuat demikian, Ketua Hakim Syarie hendaklah melantik Hakim yang paling kanan di antara Hakim Mahkamah Rayuan Syariah untuk menjadi pengerusi.

### **Keputusan dengan majoriti**

**55.** Rayuan hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti anggota Mahkamah Rayuan Syariah.

### **Penerusan prosiding dalam Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada**

**56.** (1) Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding dalam sesuatu rayuan atau pada bila-bila masa sebelum diumumkan penghakiman, mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah itu, maka, jika kedua-dua pihak bersetuju, pendengaran itu hendaklah diteruskan dan penghakiman



atau penghakiman yang ditangguhkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan oleh dua orang Hakim Mahkamah yang ada itu, dan bagi maksud rayuan itu, Mahkamah hendaklah disifatkan telah dianggotai dengan sepenuhnya.

(2) Dalam mana-mana kes seperti yang tersebut dalam subseksyen (1), jika tiada keputusan sebulat suara, rayuan itu hendaklah didengar semula.

(3) Jika di bawah subseksyen (1) kedua-dua pihak tidak memberikan persetujuan mereka, atau lebih daripada seorang Hakim tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsi mereka sebagai Hakim-Hakim Mahkamah itu, rayuan itu hendaklah didengar semula.

### **Kaedah-kaedah rayuan**

**57.** Ketua Hakim Syarie boleh membuat kaedah-kaedah tentang prosedur bagi rayuan dan permohonan bagi kebenaran merayu.

### **Tindakan bersaling**

**57A.** (1) Jika Mahkamah Syariah di dalam mana-mana Negeri di Malaysia mengeluarkan waran atau saman, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah mana-mana undang-undang Negeri itu untuk dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada mana-mana orang yang berada atau dipercayai berada di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, mana-mana Hakim Syarie boleh mengendors waran atau saman itu dengan menandatangani dan waran atau saman itu boleh dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu seolah-olah waran atau saman itu telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan mengikut peruntukan Akta ini.

(2) Jika Mahkamah Syariah di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan mengeluarkan waran yang memberikan kuasa untuk menangkap mana-mana orang atau saman yang memanggil mana-

mana orang supaya hadir di suatu Mahkamah Syariah, dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam Negeri lain di Malaysia dan waran atau saman itu dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu mengikut mana-mana undang-undang Negeri itu, waran atau saman itu hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sewajarnya seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan.

(3) Jika Mahkamah Syariah di dalam mana-mana Negeri di Malaysia membuat suatu perintah atau penghakiman di bawah mana-mana undang-undang Negeri itu terhadap seseorang dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, Hakim Syarie, jika dia berpuas hati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sewajarnya oleh suatu Mahkamah Syariah yang berwibawa di dalam mana-mana Negeri di Malaysia, boleh mengendors perintah atau penghakiman itu dan perintah atau penghakiman itu bolehlah dilaksanakan atau disampaikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana Mahkamah Syariah di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan mengikut peruntukan Akta ini.

(4) Jika Mahkamah Syariah di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan membuat suatu perintah atau penghakiman terhadap mana-mana orang atau suatu perintah yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di suatu Mahkamah Syariah dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam Negeri lain di Malaysia dan perintah atau penghakiman itu dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu mengikut mana-mana undang-undang Negeri itu, perintah atau penghakiman itu hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sewajarnya seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan.

BAHAGIAN V

PENDAKWAAN, PENGUATKUASAAN DAN PERWAKILAN

**Pelantikan Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguat Kuasa Agama**

**58.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Menteri, melantik seorang, yang berkelayakan menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, menjadi Ketua Pendakwa Syarie.

(2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah.

(3) Ketua Pendakwa Syarie bolehlah melantik orang yang layak dan sesuai daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan menjadi Pendakwa Syarie yang hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

(3A) Hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie menurut subseksyen (3) hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

(4) Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan seorang Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pegawai Penguat Kuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan di bawah Enakmen atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam.

(5) Pegawai Penguat Kuasa Agama hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguat

Kuasa Agama kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama sendiri.

### **Pegum Syarie**

**59.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Majlis boleh menerima mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Hukum Syarak menjadi Pegum Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di dalam Mahkamah Syariah.

(2) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah —

- (a) untuk mengadakan peruntukan bagi prosedur, kelayakan dan fi bagi penerimaan Pegum Syarie; dan
- (b) untuk mengawal selia, mengawal dan mengawasi kelakuan Pegum Syarie.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Majlis boleh mengecualikan mana-mana anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan atau mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] daripada peruntukan seksyen ini.

(4) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, tiada seorang pun selain Pegum Syarie atau orang yang dikecualikan di bawah subseksyen (3) berhak hadir di dalam mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapannya.

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

*Amanah Khairat*

**Penubuhan Baitulmal**

**60.** (1) Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang.

(2) Semua wang dan harta dalam Kumpulan Wang hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa mana-mana pelaburan aset dan kumpulan-kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan atau dilupuskan, dan hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah.

(3) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, boleh membuat kaedah-kaedah bagi pemungutan, pentadbiran dan pembahagian semua harta Kumpulan Wang.

**Wakaf dan nazr**

**61.** Walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazr ‘am, dan semua

amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang Islam mengikut Hukum Syarak, setakat mana-mana harta yang tersentuh olehnya dan terletak di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan dan, jika pemberi harta itu atau orang lain yang mewujudkan amanah, wakaf atau nazr 'am itu telah berdomisil di Wilayah-Wilayah Persekutuan, setakat semua harta yang tersentuh olehnya di mana-mana jua harta itu terletak.

### **Peletakhakan**

**62.** (1) Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 61 dan terletak di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, hendaklah, tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan jua pun, dan, dalam hal harta tak alih, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang relevan yang berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud amanah, wakaf atau nazr 'am yang menyentuh harta itu.

(2) Majlis hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk meletak hak pada Majlis bagi maksud yang serupa mana-mana harta sedemikian yang terletak di luar Wilayah-Wilayah Persekutuan.

### **Sekatan ke atas pewujudan amanah khairat**

**63.** (1) Sama ada atau tidak dibuat secara wasiat atau alang semasa marad-al-maut, tiada wakaf atau nazr yang dibuat selepas mula berkuatkuasanya Akta ini dan melibatkan lebih daripada satu pertiga daripada harta orang yang membuatnya boleh menjadi sah berkenaan dengan bahagian yang melebihi satu pertiga itu.

(2) Tiap-tiap wakaf khas atau nazr yang dibuat selepas mula berkuatkuasanya Akta ini adalah batal dan tidak sah melainkan jika —

- (a) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, dengan nyata memperkenankan dan mengesahkannya; atau

(b) ia telah dibuat semasa pembuatnya sakit tenat dan kemudian meninggal dunia akibat sakit itu dan telah dibuat secara bertulis melalui surat cara yang disempurnakan olehnya dan disaksikan oleh dua orang Islam dewasa yang tinggal di kariah masjid yang sama dengan pembuat itu.

(3) Seksyen ini tidaklah berkuat kuasa untuk menjadikan sah mana-mana wasiat, alang semasa marad-al-maut, wakaf atau nazr yang tidak sah di bawah peruntukan Hukum Syarak.

### **Pendapatan daripada wakaf dan nazr**

**64.** (1) Pendapatan daripada sesuatu wakaf khas, jika diterima oleh Majlis, hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan yang sah bagi wakaf khas itu.

(2) Pendapatan daripada tiap-tiap wakaf lain dan tiap-tiap nazr ‘am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

### **Modal wakaf dan nazr ‘am**

**65.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), harta dan aset modal yang tersentuh oleh mana-mana wakaf atau nazr ‘am yang sah tidak boleh menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang, tetapi hendaklah digunakan menurut wakaf atau nazr ‘am itu dan dipegang sebagai wang yang berasingan.

(2) Jika, oleh sebab lampau masa atau perubahan hal keadaan, maka tidak mungkin lagi dapat dijalankan secara berfaedah peruntukan tepat bagi mana-mana wakaf atau nazr ‘am, Majlis hendaklah menyediakan suatu skim bagi menggunakan harta dan aset yang tersentuh olehnya dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan yang dikehendaki oleh terma-terma wakaf atau nazr ‘am itu, dan hendaklah menggunakannya dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa Majlis boleh, dengan kelulusan bertulis daripada Yang di-Pertuan Agong, mengarahkan supaya harta dan aset itu hendaklah ditambahkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

(3) Jika terma-terma mana-mana wakaf atau nazr 'am tidak menyatakan cara penggunaan harta dan aset modal yang tersentuh olehnya, atau ada ketentuan tentang cara bagaimana ia hendak digunakan, Majlis boleh mengarahkan supaya cara penggunaan harta dan aset modal itu ditambahkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

(4) Segala surat cara yang mewujudkan, yang menjadi keterangan, atau yang menyentuh mana-mana wakaf atau nazr 'am, berserta dengan mana-mana dokumen hak milik atau cagaran lain yang berhubungan dengannya, hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis.

### **Pengertian surat cara**

**66.** Jika, pada pendapat Majlis makna atau natijah mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana wakaf atau nazr adalah samar-samar atau tidak berketentuan, Majlis bolehlah merujuk perkara itu kepada Mufti bagi mendapatkan pendapatnya tentang makna dan natijah itu, dan hendaklah bertindak menurut apa-apa pendapat yang diberikan sedemikian oleh Mufti.

### **Akaun dan laporan tahunan**

**67.** Peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

### **Harta wakaf dan nazr**

**68.** Dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 haribulan Disember tiap-tiap tahun, Majlis hendaklah menyediakan,



mengeluarkan dan menyiarkan dalam *Warta* satu senarai semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis tertakluk kepada mana-mana amanah, wakaf atau nazr, dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

### **Anggaran**

**69.** (1) Majlis hendaklah menyediakan dan mempersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong tidak lewat daripada 31 haribulan Oktober dalam setiap tahun, anggaran kesemua pendapatan dan perbelanjaan Majlis, termasuk di dalamnya anggaran segala harta yang boleh diterima dan boleh dilupuskan dalam bentuk barang, berkenaan dengan tahun yang berikut. Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri, boleh meluluskan anggaran itu atau boleh mengarahkan supaya ia dipinda. Apabila telah diluluskan atau dipinda sedemikian, anggaran tersebut hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(2) Majlis boleh pada bila-bila masa mempersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong anggaran perbelanjaan tambahan berkenaan dengan tahun semasa, atau, pada bila-bila masa sebelum 31 haribulan Mac dalam mana-mana tahun, berkenaan dengan tahun yang lalu, dan anggaran itu boleh diluluskan atau dipinda, dan hendaklah disiarkan, mengikut cara yang serupa.

(3) Tiada wang boleh dibelanjakan, atau harta dilupuskan dalam bentuk barang, kecuali mengikut anggaran seperti yang disebut terdahulu itu dan atas baucar yang ditandatangani oleh Pengerusi atau mana-mana pegawai Majlis atau mana-mana pegawai lain yang diberikuasa oleh Pengerusi.

### **Perbelanjaan Majlis**

**70.** Semua kos, bayaran dan belanja mentadbir harta dan aset yang terletak hak pada Majlis, termasuk kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana harta tak alih, gaji dan elaun semua pekhidmat Majlis, dan fi dan elaun yang kena dibayar kepada mana-mana pegawai atau

anggota Majlis berkenaan dengan perkhidmatannya sebagai yang demikian, hendaklah dibayar daripada harta aset Kumpulan Wang.

### **Jurubank**

**71.** (1) Majlis hendaklah melantik mana-mana jurubank yang sesuai dan boleh mengendalikan apa-apa akaun atau akaun-akaun yang difikirkan patut.

(2) Pembayaran oleh Majlis amaun yang melebihi lima puluh ringgit hendaklah dibuat melalui cek. Semua wang yang diterima oleh atau untuk Majlis hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun bank Majlis mengikut cara yang diperuntukkan dalam Prosedur Kewangan Majlis.

(3) Cek yang dikeluarkan daripada mana-mana akaun bank Majlis hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi atau oleh mana-mana anggota atau pegawai Majlis atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi.

## BAHAGIAN VII

### MASJID

#### **Peramanahan masjid dan tanah yang berkaitan**

**72.** Walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan dalam mana-mana surat cara bertulis, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah bagi semua masjid dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan; dan tiap-tiap masjid, bersama dengan tanah yang di atasnya terdiri masjid itu dan mana-mana tanah yang berhubungan dengan dan digunakan bagi maksud masjid itu, selain tanah Kerajaan atau tanah yang dirizab bagi maksud awam, hendaklah, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang relevan yang berhubungan dengan tanah, dan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan, terletak hak pada Majlis bagi maksud Akta ini.

### **Sekatan ke atas penubuhan masjid**

**73.** (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, mendirikan apa-apa bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid, atau selainnya menggunakan mana-mana bangunan bagi maksud sesuatu masjid, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana bangunan digunakan sebagai masjid.

(2) Majlis tidak boleh memberikan kebenarannya di bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan bagi masjid yang dicadangkan itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.

### **Penyenggaraan masjid dan kawasannya**

**74.** (1) Majlis hendaklah memastikan bahawa semua masjid dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan adalah disenggarakan dalam keadaan pembaikan yang sepatutnya dan bahawa kawasannya disenggarakan dalam keadaan kebersihan yang sepatutnya; dan Majlis boleh memperdapatkan dan menggunakan, atau membenarkan pemerdapatan dan penggunaan, wang khas bagi maksud pembaikan dan penyenggaraan itu, atau bolehlah membayar kos pembaikan dan penyenggaraan itu daripada Kumpulan Wang.

(2) Naqib Masjid atau Imam hendaklah dengan segera memberitahu Majlis tentang apa-apa keadaan yang memerlukan pembaikan dalam masjidnya, dan hendaklah memeriksa atau mengawasi mana-mana pembaikan itu sebagai ejen untuk dan bagi pihak Majlis.

(3) Tiada perubahan material kepada struktur masjid boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

(4) Majlis boleh mengarahkan sesuatu jawatankuasa kariah supaya menyenggarakan masjid yang di bawah tanggungjawab di dalam keadaan pembaikan yang sepatutnya.

**Sempadan kariah masjid**

**75.** Majlis boleh pada bila-bila masa melalui pemberitahuan dalam *Warta* menentukan, meminda, atau mengubah sempadan mana-mana kariah masjid.

**Pelantikan Pegawai Masjid**

**76.** (1) Bagi tiap-tiap masjid dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan hendaklah dilantik seorang Naqib Masjid, seorang Imam, seorang Imam Ratib, seorang Bilal dan seorang Pembantu Bilal.

(2) Jawatan Naqib Masjid, Imam dan Bilal hendaklah menjadi jawatan dalam perkhidmatan awam am Persekutuan.

(3) Naqib Masjid, Imam dan Bilal hendaklah dilantik oleh Majlis daripada kalangan orang yang berkhidmat dalam perkhidmatan Pentadbiran Agama.

(4) Imam Ratib dan Pembantu Bilal hendaklah dilantik oleh Majlis, atas nasihat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak, daripada kalangan anak kariah.

(5) Apabila mula berkuatkuasanya seksyen ini, tiap-tiap orang yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya seksyen ini, telah menjadi Imam dan Bilal suatu masjid yang dilantik di bawah Enakmen, hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik sewajarnya di bawah seksyen ini sebagai Imam atau Bilal masjid itu masing-masingnya dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 78, terus memegang jawatan sebagai yang demikian.

**Tauliah**

**77.** (1) Tiap-tiap orang yang dilantik oleh Majlis menjadi Pegawai Masjid, termasuk tiap-tiap orang yang disifatkan telah dilantik sedemikian di bawah subseksyen 76(5), hendaklah diberi tauliah oleh Majlis.

(2) Tiap-tiap Pegawai Masjid hendaklah mempunyai kuasa dan tugas yang dinyatakan dalam tauliah mereka masing-masing.

### **Tempoh jawatan Pegawai Masjid**

**78.** (1) Pelantikan seseorang Pegawai Masjid boleh ditamatkan melalui notis daripada Majlis.

(2) Tiada seorang pun Imam Ratib dan Pembantu Bilal boleh terus memegang jawatan itu selepas mencapai umur enam puluh tahun.

(3) Adalah menjadi kewajipan Setiausaha untuk membawa kepada pengetahuan Majlis apa-apa kelakuan keji mana-mana Pegawai Masjid, sama ada berhubungan dengan tugasnya sebagai yang demikian atau selainnya, dan untuk membuat apa-apa syor yang munasabah.

### **Kawalan dan arahan ke atas Pegawai Masjid**

**79.** Dalam pelaksanaan tugas mereka, Imam, Imam Ratib, Bilal dan Pembantu Bilal hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Naqib Masjid.

### **Penghapusan jawatan Nazir**

**80.** Apabila mula berkuatkuasanya seksyen 76, jawatan Nazir masjid tidak lagi wujud.

### **Jawatankuasa Kariah**

**81.** (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah bagi—

(a) penubuhan sesuatu jawatankuasa kariah;

- (b) menetapkan cara bagaimana anggota jawatankuasa kariah itu hendaklah dilantik; dan
- (c) menetapkan fungsi jawatankuasa kariah.

(2) Jawatankuasa kariah, bersama-sama dengan Pegawai Masjid, hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi pengelolaan sempurna dan keadaan baik bagi masjid dan semua tanah perkuburan Islam dan kariahnya;
- (b) bertanggungjawab bagi kelakuan anak kariah dalam perkara yang berhubungan dengan agama Islam; dan
- (c) memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis tentang semua perkara yang berbangkit dalam kariah itu yang menghendaki perhatian Majlis.

### **Pengecualian**

**82.** (1) Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana masjid daripada semua atau mana-mana peruntukan Bahagian ini.

(2) Peruntukan Bahagian ini, kecuali seksyen 72, tidaklah terpakai bagi Masjid Negara.

### **Kuasa meminda Jadual Ketiga**

**83.** Majlis boleh, dari masa ke semasa, meminda Jadual Ketiga melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

BAHAGIAN VIII

PUNGUTAN KHAIRAT

**Pungutan Khairat**

**84.** (1) Majlis boleh memungut, atau memberikan surat kebenaran dengan terma-terma yang difikirkan patut kepada mana-mana orang atau kumpulan orang, membenarkan orang atau kumpulan orang itu memungut wang atau sumbangan lain bagi apa-apa maksud khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang Islam mengikut Hukum Syarak.

(2) Maka hendaklah disifatkan sebagai satu terma-terma tiap-tiap surat kebenaran itu bahawa penerima kebenaran itu dan tiap-tiap orang lain yang dibenarkan melaluinya untuk memungut wang atau sumbangan lain hendaklah—

- (a) mengeluarkan berkeñaan dengan tiap-tiap jumlah wang yang dipungut sedemikian suatu resit mengikut nombor siri dalam borang yang ditetapkan;
- (b) menyimpan akaun yang benar dan lengkap bagi semua jumlah wang yang dipungut sedemikian dan tentang pelupusannya dengan semua baucar yang sepatutnya;
- (c) mengemukakan apabila dituntut potongan resit dan semua akaun dan baucar itu bagi pemeriksaan dan pengauditan oleh Majlis;
- (d) menggunakan dan melupuskan semua jumlah wang itu dibenarkan dengan nyata olehnya, membayar dan mengakaunkan kepada Baitulmal.

(3) Wang yang dipungut menurut seksyen ini bolehlah digunakan bagi apa-apa maksud yang dinyatakan oleh Majlis, dan jika tiada maksud dinyatakan sedemikian, hendaklah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang.

(4) Tiada seorang pun boleh membuat atau mengambil apa-apa pungutan wang bagi apa-apa maksud seperti yang disebutkan terdahulu itu kecuali dengan kuasa nyata daripada Majlis atau menurut kuasa surat kebenaran dibawah subseksyen (1).

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau dipenjarakan tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN IX

### MASUK ISLAM

#### **Kehendak bagi masuk Islam**

**85.** (1) Kehendak yang berikut hendaklah dipatuhi bagi kemasukan sah seseorang itu ke dalam agama Islam:

- (a) orang itu mestilah mengucapkan dua kalimah Syahadah dalam bahasa Arab secara semunasabahnya jelas;
- (b) pada masa mengucap dua kalimah itu, orang itu mestilah sedar bahawa ia bermakna “Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad S.A.W ialah Pesuruh Allah”; dan
- (c) pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.

(2) Seseorang yang tidak dapat bercakap boleh, bagi maksud memenuhi kehendak perenggan (1)(a), mengucapkan dua kalimah Syahadah dengan cara isyarat yang menunjukkan makna yang dinyatakan dalam perenggan (b) subseksyen itu.



### **Saat masuk Islam**

**86.** Seseorang itu masuk Islam dan menjadi seorang Islam sebaik-baik sahaja dia habis mengucapkan dua kalimah Syahadah dengan syarat bahawa kehendak seksyen 85 adalah dipenuhi, dan orang itu hendaklah selepas itu disebut sebagai seorang muallaf.

### **Tugas dan kewajipan seorang muallaf**

**87.** Dari saat kemasukannya, seseorang muallaf menjadi tertakluk kepada tugas dan kewajipan yang sama seperti mana-mana orang Islam yang lain.

### **Pendaftar dan Daftar Muallaf**

**88.** Seseorang Pendaftar Muallaf hendaklah dilantik oleh Majlis untuk menyelenggarakan suatu Daftar Muallaf dalam bentuk yang ditetapkan untuk pendaftaran muallaf.

### **Pendaftaran muallaf**

**89.** (1) Seseorang yang telah masuk Islam boleh memohon kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan untuk pendaftaran sebagai seorang muallaf.

(2) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa kehendak seksyen 85 telah dipenuhi berkenaan dengan orang itu, Pendaftar boleh mendaftarkan kemasukan Islam orang itu dengan mencatatkan dalam Daftar Muallaf nama orang itu dan butir-butir lain sebagaimana yang dikehendaki dalam Daftar.

(3) Pendaftar hendaklah juga menentukan tarikh masuk Islam dan mencatatkan tarikh itu dalam Daftar Muallaf.

(4) Untuk memuaskan hatinya akan hal dan tarikh masuk Islam, dan butir-butir lain yang hendak dicatatkan dalam Daftar Muallaf,

Pendaftar boleh membuat siasatan dan memanggil apa-apa keterangan sebagaimana yang dia fikirkan perlu, tetapi subseksyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang Pendaftar daripada hanya bergantung kepada kata pemohon bagi kemasukan Islam itu setakat yang berkenaan dengan hal dan tarikh masuk Islam itu.

(5) Jika Pendaftar tidak berpuas hati bahawa kehendak seksyen 85 telah dipenuhi berkenaan dengan pemohon bagi kemasukan Islam, dia boleh membenarkan pemohon itu mengucap, di hadapannya atau mana-mana pegawainya, dua kalimah Syahadah mengikut kehendak seksyen itu.

### **Perakuan Masuk Islam**

**90.** (1) Pendaftar hendaklah memberikan kepada tiap-tiap orang yang kemasukan Islamnya telah didaftarkan suatu Perakuan Masuk Islam dalam borang yang ditetapkan.

(2) Perakuan Masuk Islam hendaklah menjadi bukti muktamad akan hal-hal yang dinyatakan di dalamnya.

### **Pengiktirafan muallaf sebagai orang Islam**

**91.** (1) Seseorang yang telah masuk Islam dan telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah, bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri, dan untuk semua masa, diperlakukan sebagai seorang Islam.

(2) Seseorang yang kemasukan Islamnya dan telah didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang mana-mana Negeri hendaklah, bagi semua maksud di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan bagi maksud menguatkuasakan di Wilayah-Wilayah Persekutuan peruntukan mana-mana undang-undang, diperlakukan sebagai seorang Islam.

**Menentukan sama ada orang yang tidak didaftarkan ialah seorang muallaf**

**92.** Jika apa-apa soalan timbul dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan sama ada seseorang itu adalah seorang muallaf, dan orang itu tidak didaftarkan dalam Daftar Muallaf atau di bawah mana-mana undang-undang mana-mana Negeri sebagai seorang muallaf, soalan itu hendaklah diputuskan berdasarkan kepada merit kes itu mengikut seksyen 85.

**Kesalahan memberi maklumat palsu**

**93.** Mana-mana orang yang, dalam suatu permohonan untuk pendaftaran di bawah seksyen 89, atau sebagai jawapan kepada apa-apa permintaan untuk maklumat atau keterangan yang dibuat oleh Pendaftar di bawah seksyen itu, dengan sengaja memberi kepada Pendaftar apa-apa maklumat atau keterangan palsu atau yang mengelirukan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Kuasa membuat kaedah-kaedah**

**94.** Majlis boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan Bahagian ini.

**Keupayaan masuk Islam**

**95.** Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang tidak beragama Islam boleh masuk Islam jika dia sempurna akal dan—

- (a) mencapai umur lapan belas tahun; atau
- (b) jika dia belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu atau bapa atau penjaganya mengizinkan kemasukannya.

## BAHAGIAN X

## PENDIDIKAN AGAMA

**Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama**

**96.** (1) Majlis hendaklah melantik suatu jawatankuasa yang hendaklah dikenali sebagai Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama, yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang Pengerusi; dan
- (b) tidak kurang daripada tiga orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai.

(2) Setiausaha Majlis hendaklah menjadi setiausaha kepada Jawatankuasa itu dan hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan jawatankuasa itu.

(3) Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan tauliah bagi maksud mengajar mengenai apa-apa aspek agama Islam dan untuk menarik balik tauliah sedemikian.

(4) Majlis, dengan kelulusan Menteri, boleh membuat kaedah-kaedah yang mengadakan peruntukan bagi—

- (a) prosedur, kehendak dan perkara lain berhubungan dengan pemberian tauliah di bawah seksyen ini, termasuk fi yang boleh dikenakan;
- (b) prosedur jawatankuasa itu;
- (c) elaun yang patut dibayar kepada anggota jawatankuasa.

**Sekolah Agama**

**97.** Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftar sekolah Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

### **Pengecualian**

**98.** Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada mana-mana peruntukan Bahagian ini

## BAHAGIAN XI

### AM

### **Kaedah-kaedah**

**99.** Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Majlis, membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, bagi melaksanakan peruntukan Akta ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan kelulusan yang terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh mengadakan peruntukan bagi—

- (a) prosedur Majlis, bentuk dan cara penyempurnaan surat cara oleh Majlis, dan pelantikan pegawai bawahan Majlis;
- (b) fi yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Akta ini, dan cara memungut dan melupuskan fi itu;
- (c) pelantikan jawatankuasa Majlis dan kuasa, kewajipan dan prosedurnya;
- (d) borang, daftar, buku akaun, laporan, akaun, anggaran, dan dokumen lain yang hendak digunakan berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Akta ini;
- (e) pengelolaan mana-mana pungutan khairat dan pelupusan hasilnya;
- (f) pengelolaan mana-mana masjid atau surau atau tanah perkuburan dan semua perkara yang berhubungan dengannya;

- (g) kuasa dan tugas Pegawai Masjid;
- (h) penentuan dan penyiaran sempadan kariah Masjid;
- (i) jagaan dan pengajaran bagi muallaf, dan cara mendaftarkan muallaf;
- (j) pendaftaran sekolah Islam dan aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran agama.

### **Kecualian kaedah-kaedah dan pelantikan**

**100.** Semua kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang ia tidak bertentangan dengan peruntukan Akta ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah peruntukan Akta ini.

### **Peralihan**

**101.** Apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, semua kuasa Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah-Mahkamah Kadi yang ditubuhkan di bawah seksyen 44 Enakmen hendaklah diambil alih atau dijalankan oleh Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 dan mana-mana sebutan mengenai Mahkamah Kadi Besar hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 40(2).

### **Pindaan seksyen 165 dan 166 Enakmen**

**102.** (1) Seksyen 165 Enakmen dalam pemakaiannya bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “112 of this Enactment, erects any mosque, or dedicates or otherwise

applies any existing building as of for the purposes of a mosque” dengan perkataan “73 of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993, erects any building to be used as a mosque, or otherwise applies any building for the purposes of a mosque, or causes or permits any building to be used as a mosque”.

(2) Seksyen 166 Enakmen adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Kadi” perkataan “or a *tauliah* granted under subsection 96(3) of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993”.

### **Pemberhentian pemakaian Enakmen**

**103.** Bahagian I, II, III, IV, V, VIII dan X (kecuali seksyen 52 hingga 93 dan 107 hingga 109) Enakmen hendaklah terhenti terpakai bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan.

---

## JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(3)]

BENTUK SKRIP BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN UNGKAPAN  
TERTENTU

Faraq	—	فرق
Fasakh	—	فسخ
Fatwa	—	فتوي
Hadith	—	حديث
Hukum Syarak	—	حكم شرع
Kariah	—	قرية
Nass	—	نص
Naqib	—	نقيب
Nazr	—	نذر
Qaul muktamad	—	قول معتمد
Quran	—	قرآن
Ratib	—	راتب
Syariah	—	شريعة

---



JADUAL KEDUA

[Subseksyen 8(3)]

**Kecualian**

1. Tiada apa-apa jua dalam seksyen 8 boleh disifatkan sebagai membenarkan Majlis membuat perintah untuk menubuhkan apa-apa perbadanan yang mempunyai apa-apa kewajipan, kuasa atau hak yang bukan dalam kewajipan, kuasa atau hak Majlis di bawah Akta ini.

**Perintah-perintah mempunyai kuat kuasa mengikat**

2. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 8 adalah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya ia dibuat dan hendaklah mempunyai kuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah ia telah diperbuat di dalam akta ini.

**Pindaan dsb. perintah-perintah**

3. Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau menambah kepada apa-apa perintah yang dibuat berkenaan dengan mana-mana perbadanan di bawah seksyen 8.

**Daftar perbadanan**

4. Majlis hendaklah menyimpan satu daftar bagi semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 8 dan daftar itu bersekali dengan salinan semua perintah yang dibuat di bawah seksyen itu hendaklah terbuka kepada pemeriksaan awam di tempat atau tempat dan pada waktu-waktu sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

**Penggulungan**

5. (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila terbubaranya mana-mana perbadanan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu, setelah dibayar segala liabiliti, hendaklah dipindahkan kepada dan diletak hak pada Majlis.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Majlis.

**Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan**

6. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 8 hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan dengan nama yang diberikan kepadanya oleh Majlis dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama tersebut, dan, bagi maksud memajukan atau menunaikan fungsinya, boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan mengurusniagakan atau memperlakukan apa-apa harta alih atau tak alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini dan tertakluk kepada apa-apa sekatan yang ditetapkan oleh Majlis dalam setiap satu hal.

**Meterai perbadanan bagi sesuatu perbadanan**

7. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan, yang hendaklah mengandungi suatu tanda sebagaimana yang diluluskan oleh perbadanan itu dengan kelulusan Majlis, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh perbadanan itu dengan kelulusan Majlis.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan itu bolehlah digunakan sebagai meterai biasa.

(3) Meterai biasa, atau cap yang disebut dalam subperenggan (2), hendaklah berada dalam jagaan orang yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeterai dengan meterai tersebut, dan yang disahkan seperti yang disebutkan terdahulu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnya.

(4) Apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan pertubuhan perbadanan, tidak akan dikehendaki supaya dibuat di bawah meterai, boleh dengan cara yang sama disempurnakan oleh perbadanan.

(5) Meterai tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

---

JADUAL KETIGA

[Seksyen 83]

MASJID, SURAU DAN MADRASAH DI DALAM  
WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

1. Masjid Al Akram , Kampung Datuk Keramat, 54000 Kuala Lumpur.	2. Masjid Jamek Kg. Bharu , Kg Bharu, 50300 Kuala Lumpur.
3. Masjid Al Firdaus, Segambut Luar, 51200 Kuala Lumpur.	4. Masjid Jamek Kg. Selayang Lama, Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur.
5. Masjid Al Khadijiah, Pantai Dalam, 59200 Kuala Lumpur.	6. <i>(Dipotong oleh P.U. (B) 77/2000).</i>
7. Masjid Al Rahimah, Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur.	8. Masjid Jamek Sg. Besi, Pekan Sg. Besi, 57000 Kuala Lumpur.
9. Masjid Al Rahman, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur.	10. Masjid Jamek Sg. Mulia, Batu 4 3/4 Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur.
11. Masjid Amaniah, Kepong, 52100 Kuala Lumpur.	12. Masjid Jamek Tg. Abd. Aziz Shah, Sg. Pencala, 60000 Kuala Lumpur.
13. Masjid Hidayah, Sentul Pasar, 51000 Kuala Lumpur.	14. Masjid Pakistan, Jalan Raja Muda, 50300 Kuala Lumpur.
15. Masjid India, Jalan Melayu, 50100 Kuala Lumpur.	16. Masjid Salehin, Polis Depot, Jalan Gurney, 54100 Kuala Lumpur.
17. Masjid Jamek Alam Shah, Jalan Pasar Pudu, 55100 Kuala Lumpur.	18. Masjid Saidina Abu Bakar As Siddiq, Bangsar Park, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

19. Masjid Jamiul Ihsan, Pekan Setapak, 53000 Kuala Lumpur.	20. Masjid Saidina Ali KW, Padang Balang, Sentul, 51100 Kuala Lumpur.
21. Masjid Jamek Bandaraya, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.	22. Masjid Saidina Omar Al Khattab, Jalan Setia Budi, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
23. Masjid Jamek Batu Empat, Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur.	24. Masjid Ubudiah, Segambut Dalam, 51200 Kuala Lumpur.
25. Masjid Zubair Ibn Awwam, Batu 3 1/2, Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur.	26. Masjid Abu Ubaidah Al Jarrah, No. 27 Jalan 1/26 Taman Sri Rampai, Setapak Jaya, 53300 Kuala Lumpur.
27. Masjid Jamek Jalan Haji Salleh, Sentul, 51100 Kuala Lumpur.	28. Masjid Saidina Othman Ibnu Affan, Bandar Tun Razak, Cheras, 56000 Kuala Lumpur.
29. Masjid Jamek Kampong Batu, Batu 5, Jalan Ipoh, 55100 Kuala Lumpur.	30. Masjid At-Taqwa, Jln. Dato' Sulaiman, Tmn. Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur.
31. Surau Balai Islam, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.	32. Madrasah Islamiah, No. 35, Jalan Kuari, Bukit A, Kg Cheras Baru, 56100 Kuala Lumpur.
33. Madrasah Al-Shukriah, Kg. Pasir Baru, Petaling, 58200 Kuala Lumpur.	34. Madrasah Ikhlasiah, Kg Kerinchi Bukit C2, 59200 Kuala Lumpur.
35. Madrasah At-Taqwa, Taman Setapak, 53000 Kuala Lumpur.	36. ( <i>Dipotong oleh P.U. (B) 77/2000</i> ).
37. Madrasah Islamiah, General Hospital, 50586 Kuala Lumpur.	38. Surau Asyahada', Maktab Tentera DiRaja, Sg. Besi Camp, 57000 Kuala Lumpur.

39. Masjid Khalid Al-Walid Masjid, Jalan Padang Tembak, 54100 Kuala Lumpur.	40. Surau Rajaiyah, Jalan Raja Uda, Kg. Baru, 50300 Kuala Lumpur.
41. ( <i>Dipotong oleh P.U. (B) 77/2000</i> ).	42. Surau Taman Sri Petaling, Jalan Pasai, 57000 Kuala Lumpur.
43. Surau TUDM, Lapangan Terbang Lama, 50460 Kuala Lumpur.	44. Madrasah Nahdatul Diniah, Kg. Malaysia Tambahan, Jalan Sg. Besi, 57100 Kuala Lumpur.
45. Surau Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Gurney, 54100 Kuala Lumpur.	46. Surau Al-Iktisamiah, Taman Melati, Gombak, 53100 Kuala Lumpur.
47. Surau Maktab Perguruan Bahasa, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur.	48. Madrasah Al-Najah, Taman Batu Muda, Bt. Caves, 68100 Kuala Lumpur.
49. Surau Kem Batu Kentomen, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.	50. Surau Tabung Haji, 201, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
51. Surau Institut Latihan Perindustrian, Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur.	52. Surau Taman Bunga Raya, Jalan Malinja, Tmn. Bunga Raya, Setapak, 53000 Kuala Lumpur.
53. Madrasah Jundiah, Sungai Besi Camp, 57000 Kuala Lumpur.	54. Surau An-Nur, Pudu Prison, 55200 Kuala Lumpur.
55. ( <i>Dipotong oleh P.U. (B) 77/2000</i> ).	56. Surau Khairiyah, Salak Selatan, Jalan Sg. Besi, 57100 Kuala Lumpur.
57. Surau Baitul Aman, 120, Jalan Damai, 55000 Kuala Lumpur.	58. Masjid Jamek An-Nur, Pekan Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan.

59. Masjid Kampung Lajan, Kampung Lajan, Wilayah Persekutuan, Labuan.	60. Masjid Sirajul Islam, Tanjong Aru, Wilayah Persekutuan, Labuan.
61. Masjid Nur Iman, Ganggarak, Wilayah Persekutuan, Labuan.	62. Masjid Al-Muzakkirullah, Lubuk Temiang, Wilayah Persekutuan, Labuan.
63. Masjid Al-Fallah, Bukit Kalam, Wilayah Persekutuan, Labuan.	64. Masjid Kampung Layang-Layangan Jamek, Kampung Layang-Layangan, Wilayah Persekutuan, Labuan.
65. Masjid Kampung Sungai Labu, Kampung Sungai Labu, Wilayah Persekutuan, Labuan.	66. Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, Wilayah Persekutuan, Labuan.
67. Masjid Nurul Iman, Kampung Sungai Bedaun, Wilayah Persekutuan, Labuan.	68. Masjid Kampung Babuloh, Kampung Babuloh, Wilayah Persekutuan, Labuan.
69. Masjid Kampung Ranche- Ranche, Kampung Ranche-Ranche, Wilayah Persekutuan, Labuan.	70. Surau Baitul Makmur, Kampung Durian Tunjong, Wilayah Persekutuan, Labuan.
71. Surau Kampung Batu Menikar, Kampung Batu Menikar, Wilayah Persekutuan, Labuan.	72. Surau Kampung Pohon Batu, Kampung Pohon Batu, Wilayah Persekutuan, Labuan.
73. Surau Kampung Bukit Kuda, Kampung Bukit Kuda, Wilayah Persekutuan, Labuan.	74. Surau Al-Munawwarah, Kampung Patau-Patau, Wilayah Persekutuan, Labuan.
75. Surau Darus Salam, Kampung Patau-Patau, Wilayah Persekutuan, Labuan.	76. ( <i>Dipotong oleh P.U. (B) 77/2000</i> ).
77. Masjid Asy-Syafie, Jalan Perkasa, Taman Maluri, Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur.	78. Masjid Muadz Bin Jabal, Persiaran Taman Setiawangsa, Taman Setiawangsa, 54000 Kuala Lumpur.

79. Masjid Amru Al-‘As, Bandar Baru Sentul, Sentul, 51000 Kuala Lumpur.	80. Masjid Saidina Hamzah, Kampung Batu Muda, Batu 4 1/2, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.
81. Masjid Bandar Baru Sri Petaling, 57100 Kuala Lumpur.	82. Masjid Abdul Rahman Bin Auf, Batu 5 1/2, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur.
83. Masjid Bukit Aman, Jalan Bukit Aman, 50480 Kuala Lumpur.	84. Masjid Asy-Syakirin, Lot 41, Seksyen 58, Kuala Lumpur City Centre, 50450 Kuala Lumpur.
85. Masjid Al-Muttaqin, Kampung Kerupang Dua, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan.	86. Masjid Adam, Kampung Lajau, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan.
87. Surau An Nur, Taman Koperasi Polis, Fasa 1, Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur.	88. Surau Asy-Syakirin, Jalan 30/56, Keramat Wangsa, 54200 Kuala Lumpur.
89. Surau Darul Huda, Seksyen 10, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.	90. Surau Al-Mubarakah, Taman Bukit Cheras, 56000 Kuala Lumpur.
91. Surau Diniatul Nuriah, Lot 2171, Taman Sri Segambut, 52000 Kuala Lumpur.	92. Surau Angkasapuri, c/o Jabatan Penyiaran Kementerian Penerangan Malaysia Angkasapuri, 50614 Kuala Lumpur.
93. Surau Balai Islam, 6C Jalan 4/71B, Pinggiran Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur.	94. Surau Nurul Iman, Lot PT 873, Sri Sentosa, Jalan 8/133, Jalan Klang Lama, 58200 Kuala Lumpur.
95. Surau Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.	96. Surau Asy-Syakirin, Maktab Perguruan Teknik Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

97. Madrasah Asy-Saadah, Seksyen 1, Wangsa Maju, Setapak, 53300 Kuala Lumpur.	98. Madrasah Bustanul Ulum, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur.
99. Madrasah Nurul Islam, Desa Pahlawan Perwira Jaya, Bt. 4, Jalan Ampang, 55000 Kuala Lumpur.	100. Surau An-Nur Rahim, Kampung Sungai Buton, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan.

---



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 505****AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A931	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1995	10-11-1995
P.U. (B) 77/2000	Pemberitahuan Pindaan Jadual Ketiga	01-01-1999
P.U. (A) 250/2002	Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pentadbiran Undang- Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993) 2002	01-02-2001
Akta A1523	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2017	01-02-2017

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 505****AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
8A	Akta A931	10-11-1995
57A	Akta A1523	01-02-2017
Bahagian V	Akta A1523	01-02-2017
58	Akta A931 Akta A1523	10-11-1995 01-02-2017
59	Akta A931	10-11-1995
102	Akta A931	10-11-1995
Jadual Ketiga	P.U. (B) 77/2000	01-01-1999

---